

# ENAKMEN 7 TAHUN 2004 ENAKMEN FATWA 2004

Tarikh Persetujuan DIRaja : Tarikh Persetujuan DIRaja  
Tarikh disiarkan dalam *Warta* 14 Oktober 2004  
Tarikh mula berkuatkuasa : 1 Jun 2005 [GN 313/05]

## SUSUNAN SEKSYEN

Mukadimah

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa
2. Tafsiran
3. Kecualian prerogatif

### BAHAGIAN II

#### PELANTIKAN MUFTI DAN FUNGSI MUFTI, KUASA MAJLIS FATWA NEGERI DAN FATWA YANG BERHUBUNG DENGAN KEPENTINGAN NASIONAL


4. Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti
5. Fungsi Mufti
6. Majlis Fatwa Negeri
7. Kuasa Majlis Fatwa Negeri untuk menyediakan suatu fatwa
8. Tatacara pembuatan fatwa
9. Fatwa yang disiarkan dalam *Warta* adalah mengikat
10. Pindaan, ubahsuai atau pembatalan fatwa
11. Fatwa yang ada hubungan dengan kepentingan nasional
12. Menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
13. Meminta pendapat daripada Majlis Fatwa Negeri
14. *Qaul muktamad* yang hendak diikuti
15. Perlindungan Mufti dan ahli-ahli Majlis Fatwa Negeri

### BAHAGIAN III

#### AM

16. Kaedah-kaedah

## Mukadimah



Saya memperkenankan,

TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI AHMADSHAH BIN ABDULLAH,  
*Yang di-Pertua Negeri.*

30 OGOS 2004.

Suatu Enakmen bagi membuat peruntukan berhubung dengan penubuhan organisasi fatwa, pelantikan Mufti dan Majlis Fatwa Negeri dan perkara-perkara lain yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Badan Perundangan Negeri Sabah seperti berikut:

### **BAHAGIAN I PERMULAAN**

#### **Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Fatwa 2004.
- (2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Tafsiran**

2. (1) Dalam Enakmen ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain  
—  
"Enakmen terdahulu" ertinya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992;  
  
"Hukum Syarak" ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki, atau Hanbali;  
  
"Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja di bawah peraturan 11 Peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam, Malaysia;

"Majlis" ertinya Majlis Ugama Islam Negeri Sabah yang ditubuhkan di bawah seksyen 4(1) Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004;

"Majlis Fatwa Negeri" ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 6;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pentadbiran hal ehwal agama Islam bagi Negeri Sabah;

"Mufti" ertinya orang yang dilantik menjadi Mufti Kerajaan bagi Negeri Sabah di bawah seksyen 4(1) dan termasuk Timbalan Mufti Kerajaan yang dilantik di bawah seksyen 4(2);

"Negeri" ertinya Negeri Sabah.

### **Kecualian prerogatif**

3. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung di dalam Enakmen ini yang boleh melemahkan, atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa prerogatif Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam bagi Negeri Sabah sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Perlembagaan Negeri Sabah.

## **BAHAGIAN II**

### **PELANTIKAN MUFTI DAN FUNGSI MUFTI, KUASA MAJLIS FATWA NEGERI DAN FATWA YANG BERHUBUNG DENGAN KEPENTINGAN NASIONAL**

#### **Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti**

4. (1) Yang di-Pertua Negeri, atas syor Majlis, dengan persetujuan Menteri, boleh melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti Kerajaan bagi Negeri.

(2) Yang di-Pertua Negeri, atas syor Majlis, selepas berunding dengan Mufti, boleh melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Timbalan Mufti Kerajaan bagi Negeri.

(3) Seseorang layak dilantik di bawah subseksyen (1) dan (2) jika dia –

(3) Selepas suatu fatwa disediakan oleh Majlis Fatwa Negeri, Mufti hendaklah, bagi pihak dan atas nama Majlis Fatwa Negeri, mengemukakan fatwa yang disediakan itu kepada Majlis.

(4) Majlis boleh selepas menimbang teliti fatwa itu, membuat syor kepada Yang di-Pertua Negeri untuk mendapatkan perkenannya bagi pewartaan fatwa itu.

(5) Syor yang dibuat di bawah subseksyen (4) hendaklah disertakan dengan memorandum penjelasan dan ulasan daripada Majlis jika Majlis berpendapat penjelasan dan ulasan itu perlu.

(6) Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Yang di-Pertua Negeri Majlis Fatwa Negeri hendaklah memaklumkan Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam *Warta*.

(7) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

(8) Sesuatu fatwa hendaklah disiarkan dalam bahasa kebangsaan dalam tulisan rumi, tetapi teks fatwa itu boleh juga disiarkan dalam tulisan jawi.

(9) Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Majlis Fatwa Negeri tidak boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam *Warta* menurut subseksyen (6).

### **Fatwa yang disiarkan dalam *Warta* adalah mengikat**

9. (1) Apabila disiarkan dalam *Warta*, suatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri sebagai ajaran agama dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan.

(2) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah di dalam Negeri tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya.

## **Pindaan, ubahsuai atau pembatalan fatwa**

10. (1) Mufti atau Majlis Fatwa Negeri boleh meminda, mengubahsuai atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah disiarkan dalam *Warta* di bawah Enakmen ini, atau di bawah Enakmen terdahulu.

(2) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa yang disifatkan sebagai suatu fatwa dan peruntukan-peruntukan seksyen 8, kecuali subseksyen 8(7), hendaklah terpakai baginya.

(3) Sesuatu pindaan, ubahsuai atau pembatalan sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dalam pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah subseksyen (1).

## **Fatwa yang ada hubungan dengan kepentingan nasional**

11. (1) Walau apapun kuasa Majlis Fatwa Negeri di bawah seksyen 7, apabila Majlis Fatwa Negeri mendapati bahawa suatu fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Mufti atau Majlis Fatwa Negeri hendaklah menangguhkan perbincangannya dan membuat kajian lanjut sama ada kepentingan nasional itu selaras dengan "Maslahah" menurut Hukum Syarak atau sebaliknya, dan memaklumkan perkara yang sama kepada Majlis.

(2) Selepas menimbang teliti perkara itu, Majlis membuat syor kepada Yang di-Pertua Negeri, untuk mendapat perkenannya agar fatwa yang dicadangkan itu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan melalui Majlis Raja-Raja.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), sesuatu fatwa adalah dianggap berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional jika persoalan itu ada berhubung dengan apa-apa perkara, dasar, program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana kementerian, jabatan atau agensi-agensinya.

(4) Jika Yang di-Pertua Negeri memberikan perkenannya di bawah subseksyen (2), Majlis hendaklah, sebelum fatwa itu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan memaklumkan Kerajaan Negeri tentang perujukan itu.

(5) Apabila sesuatu fatwa yang dicadangkan telah dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan nasihat dan syornya kepada Majlis Raja-Raja mengikut subseksyen (2) tentang perkara itu.

(6) Jika Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menasihatkan atau mengesyorkan supaya fatwa yang dibuat, dengan atau tanpa ubahsuaian yang disyorkan olehnya, atau menasihatkan atau mengesyorkan suatu fatwa lain tentang perkara yang sama dan Majlis Raja-Raja telah bersetuju dengan nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu, maka Majlis hendaklah menimbang nasihat dan syor itu dan selepas itu bolehlah menyebabkan supaya fatwa mengikut nasihat dan syor itu disiarkan dalam *Warta* tanpa apa-apa pindaan atau ubahsuaian dan peruntukan-peruntukan seksyen (8), kecuali subseksyen 8(7), hendaklah terpakai baginya.

(7) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

### **Menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan**

12. (1) Majlis Fatwa Negeri hendaklah menerima pakai apa-apa nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyentuh perbuatan atau amalan yang dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja merupakan perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh Persekutuan menurut perkara 38(2)(b) Perlembagaan Persekutuan.

(2) Nasihat atau syor yang diterima pakai menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai fatwa dan seksyen 8, kecuali subseksyen 8(7), hendaklah terpakai baginya.

(3) Sesuatu Fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

### **Meminta pendapat daripada Majlis Fatwa Negeri**

13. Jika dalam mana-mana Mahkamah selain Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum Syarak perlu diputuskan, Mahkamah itu boleh meminta pendapat Majlis Fatwa Negeri tentang persoalan itu, dan Mufti boleh memperakukan pendapat Majlis Fatwa Negeri itu kepada Mahkamah yang membuat permintaan itu.

### **Qaul muktamad yang hendak diikuti**

14. (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 8 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 13, Majlis Fatwa Negeri hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie.

(2) Jika Majlis Fatwa Negeri berpendapat bahawa dengan megikut *qaul muktamad* Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Majlis Fatwa Negeri bolehlah mengikut *qaul muktamad* Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

(3) Jika Majlis Fatwa Negeri berpendapat bahawa tiada satu-pun *qaul muktamad* daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Majlis Fatwa Negeri boleh membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan *qaul muktamad* daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.

### **Perlindungan Mufti dan ahli-ahli Majlis Fatwa Negeri**

15. (1) Walau apapun undang-undang bertulis yang berlawanan, Mufti dan mana-mana ahli Majlis Fatwa Negeri tidak boleh disaman untuk memberi pendapat atau keterangan berhubung dengan Hukum Syarak di mana-mana Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah, tetapi jika dalam mana-mana mahkamah selain Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum Syarak yang patut diputuskan, Mahkamah itu boleh meminta pendapat Mufti mengenai persoalan itu, dan Mufti boleh memperakukan pendapatnya kepada Mahkamah yang meminta itu.

(2) Mufti dan mana-mana ahli-ahli Majlis Fatwa Negeri tidak boleh didakwa di mana-mana Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil bagi sesuatu fatwa yang telah diwartakan, dengan syarat fatwa itu diberi dengan suci hati dan berlandaskan kuasa yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini.

**BAHAGIAN III**  
**AM**

**Kaedah-kaedah**

16. Yang di-Pertua Negeri, atas nasihat Mufti melalui pemberitahuan dalam *Warta*, boleh membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, kaedah-kaedah itu boleh mengadakan peruntukan bagi –

- (a) prosedur Majlis Fatwa Negeri;
- (b) kod etika ahli-ahli Majlis Fatwa Negeri;
- (c) elaun kepada ahli-ahli Majlis Fatwa Negeri; dan
- (d) kaedah-kaedah lain yang difikirkan perlu bagi organisasi fatwa dan Mufti, bagi melaksanakan fungsi Mufti dan kehendak-kehendak Enakmen ini.

DIPERAKUKAN oleh saya sebagai salinan Rang Undang-Undang yang tulen yang telah diluluskan oleh Majlis Dewan Undangan pada hari Selasa, 10 Ogos 2004.

DATUK JAMES ANDREW VITALES,  
*Timbalan Speaker,*  
*Dewan Undangan Negeri.*